

## PEMERKASAAN DAKWAH KONTEMPORARI PENGAJIAN AGAMA DI MASJID ZAHIR, ALOR SETAR

Nur Uswah Ahmad Fauzi  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
Email: [nuruswah@uis.edu.my](mailto:nuruswah@uis.edu.my)

Nurunnabilah Mahirah Mohamad Zaini  
Universiti Islam Selangor (UIS)

### ABSTRAK

Pengajian agama Islam di masjid adalah aspek penting terhadap pembinaan komuniti Muslim yang berilmu pengetahuan dalam kehidupan beragama. Namun, dalam era kontemporari, cabaran-cabaran baru muncul yang memerlukan pendekatan dakwah yang lebih interaktif, inovatif dan berkesan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka strategi pemeraksanaan dakwah kontemporari dalam pengajian agama di masjid Zahir Alor Setar, Kedah. Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan kaedah temu bual dan analisis dokumen. Secara umumnya kajian menunjukkan pemeraksanaan dakwah masjid Zahir Alor Setar untuk mengukuhkan pengajian agama seperti feqah, tauhid dan tasawwuf tidak hanya terhad kepada kuliah, ceramah dan pengajian tradisional malah melibatkan penggunaan teknologi baharu seperti media sosial dan platform dalam talian. Selain itu, kebijaksanaan pendakwah didapati sangat penting bagi mengatasi isu-isu dakwah semasa selaras dengan perkembangan teknologi untuk memastikan bahan pengajaran disusun dengan sistematik. Kajian ini mencadangkan agar masjid terus memanfaatkan teknologi dan meningkatkan interaksi dengan komuniti untuk memastikan pengajian agama di masjid kekal relevan dan berdaya saing dalam konteks dunia moden.

**Kata Kunci :** Dakwah, kontemporari, pengajian agama, masjid

### 1. Pengenalan

Peranan masjid dalam pengajaran agama telah menjadi asas tradisi masyarakat Islam dan sinonim dengan kehidupan Muslim. Melangkaui batas masa dan era moden, masjid mempunyai keperluan penting sebagai destinasi sosial yang menjadi tempat pembelajaran utama dan berkesan dalam menyebarkan ilmu Islam (Mustari & Jasmi, 2008). Selain itu, masjid juga merupakan institusi yang sering mendapat perhatian kerana menjalankan tanggungjawab terhadap umat Islam termasuk dalam konteks sosial sebagai pusat ibadah, pusat kemasyarakatan, pusat pendidikan dan melestarikan ekonomi umat Islam (Abd Wakil, Ab Rahman & Baharuddin, 2024). Hasil tinjauan kajian literatur yang dijalankan oleh Shahbuddin & Gunardi (2023) mendapati bahawa peranan masjid pada masa kini masih kekal sebagaimana pada zaman Rasulullah SAW iaitu sebagai tempat ibadah, pusat perhubungan sosial, dan tempat penyebaran dakwah serta ilmu dan pendidikan. Namun, konsep dan pendekatan dalam mengimarahkan masjid perlu diperkasa dan dipelbagaikan mengikut perkembangan zaman kerana gaya hidup masyarakat kini berbeza dengan zaman kegemilangan Islam dahulu.

Pembudayaan pengajian ilmu agama di institusi masjid berjalan selaras dengan perluasan kesarjanaan ilmu pengetahuan Islam yang berpaksikan kepada al-Quran dan Hadith (Ahmad, K. A., Muhammad Lukman Mat Sin, Ameer Ikhwan Zaini, & Mohd Asri Ishak, 2023). Antara disiplin ilmu yang disampaikan termasuk Tafsir, Hadith, Ulum al-Quran, Ulum al-Hadith, Fiqh, Akidah dan Akhlak. Menurut Ibrahim, M. R. (2020) pengajian agama di masjid dalam bentuk integrasi ilmu seperti usuluddin dan akidah sangat penting dengan matlamat membentuk individu muslim taat dan bertakwa. Kenyataan ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Malkawi (2011) iaitu dalam penyampaian ilmu perlu kepada penyatuan elemen ilmu dan amal iaitu dua perkara ini amat penting dalam menentukan kejayaan hidup setiap individu.

Oleh yang demikian, bagi merealisasikan peranan masjid dalam penyampaian ilmu dan dakwah untuk kekal relevan pada zaman digital ini pentadbiran masjid seharusnya dapat mempertingkatkan keupayaan untuk beradaptasi dan berinovasi dalam pengajaran agama yang menjadi tumpuan dalam konteks global dan kontemporari (Abd. Ghani, 2021). Pendekatan yang inovatif dan kreatif dalam pengimarahannya sangat diperlukan untuk memastikan peranannya dapat dipertahankan dan diperluas. Ini penting agar masjid tidak sekadar menjadi sebuah bangunan dan destinasi pelancongan semata-mata. Mencapai kepada maksud memiliki potensi besar untuk menjadi platform penting dalam penyampaian dakwah, usaha melatih dan mempertingkatkan kemahiran penggunaan teknologi perlu dilaksanakan secara aktif kepada kepimpinan masjid dan barisan pendakwah sebagai agen penyampai ilmu dan mesej Islam (Majid, M. A. et., 2021).

Usaha ini bagi memberi kesedaran tentang kepentingan dan tanggungjawab berdakwah perlu disertai dengan pembekalan ilmu yang memungkinkan mereka menguasai kandungan dakwah. Pendekatan ini dianggap lebih efektif dan berkesan untuk jangka panjang dengan perkembangan dan penggunaan teknologi digital terkini (Don, A. G., 2021). Penguasaan ilmu akan mendorong keupayaan mereka menyediakan bahan dakwah yang menarik untuk disampaikan atau disebarkan melalui pelbagai aplikasi seperti Instagram, Facebook, Treads, TikTok, dan lain-lain. Justeru itu, fungsi dan peranan masjid pada zaman moden semakin berkembang selari dengan kemajuan tamadun dan teknologi. Contohnya, masjid pintar pertama di Malaysia, Masjid Kristal, diperkenalkan pada tahun 2008 dan dilengkapi dengan 'wifi' untuk memudahkan pengunjung menggunakan teknologi yang disediakan. Walaupun teknologi moden membawa banyak kelebihan, fungsi masjid kini bukan hanya sebagai tempat beribadat. Pelbagai konsep pengimarahannya telah diperkenalkan untuk memperkasakan peranan masjid pada zaman moden dan era kontemporari. Dalam era ini, segala aktiviti seharusnya bermula dari masjid yang berperanan sebagai pusat sehenti, memudahkan kunjungan dan mesra pengunjung (Asmak, 2008).

## **2. Metodologi kajian**

Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Reka bentuk kajian kes melibatkan bidang berkaitan kefahaman tentang sesuatu fenomena secara mendalam melalui penerokaan terhadap konteks yang hendak dikaji (Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahrizan 2016). Pengumpulan data dijalankan berkaitan gerak kerja dakwah kontemporari pengajian agama di Masjid Zahir, Alor Setar yang melibatkan sesi temubual separa struktur. Berdasarkan objektif kajian, instrumen temu bual dirangka daripada maklumat yang diperolehi daripada kajian literatur dan dikategorikan mengikut tema-tema tertentu. Item-item temu bual adalah tertumpu kepada persoalan-persoalan utama kajian. Data-data yang diperolehi melalui temu bual bersama peserta kajian dikemukakan semula kepada mereka untuk disahkan berdasarkan pendekatan penilaian persetujuan unit analisis melalui kaedah Cohen Kappa. Penganalisan data temu bual menggunakan kaedah analisis tematik berdasarkan kod-kod tertentu yang membentuk hasil dapatan kajian yang dijalankan.

### **2.1 Pemilihan sampel kajian**

Pengumpulan data temu bual melibatkan 5 orang kakitangan dan ahli jawatankuasa masjid Zahir yang bertugas secara rasmi sebagai peserta kajian ini. Mereka dipilih secara bertujuan mengikut kriteria tertentu iaitu mempunyai pengalaman berkhidmat lebih 5 tahun sebagaimana dalam jadual 1.

**Jadual 1: Senarai Peserta Kajian**

Kod. Peserta kajian	Tarikh temu bual	Jawatan
PK 1	22 Jan 2023	Imam masjid
PK 2	23 Jan 2023	Timbalan nazir
PK 3	23 Jan 2023	Biro pengurusan masjid
PK 4	22 Jan 2023	Biro Dakwah
PK 5	22 Jan 2023	Setiausaha masjid

### 3. Latar belakang Masjid Zahir Alor Setar, Kedah

Masjid Zahir atau nama lainnya Masjid Zahrah yang merupakan masjid negeri Kedah. Ia juga dikenali sebagai Masjid Diraja kerana terletak diperkarangan Istana Pelamin (Fairuz Jamaluddin & Azlina Tatar, 2018). Masjid Zahir merupakan tempat yang terkenal di Alor Setar dengan mempunyai ciri kubah yang berwarna hitam iaitu satu kubah utama dan lima kubah lebih kecil melambangkan lima rukun Islam (Farid Mat Zin, Ezad Azraai & Zaini Salleh, 2012). Pembinaan masjid ini mengambil masa selama 3 tahun untuk disiapkan dan tersedia untuk kegunaan orang ramai pada tahun 1915 (6 Zulhijjah 1333H (Ahmad Siz & Ahamd Sanusi, 2019)

Masjid Zahir sangat terkenal dengan seni bina yang halus dan unik dibina diatas tapak yang dikenali sebagai Masjid Lama. Ruang solat yang tersedia dan mihrab masjid ini mempunyai keistimewaan dan sedikit kelainan berbanding dengan masjid lain kerana mempunyai dua mihrab yang berbentuk bulat yang melengkung. Ukiran mihrab ini diperbuat daripada batu yang asli bercorak geometri, kulit kerrang dana awan larak (Fairuz Jamaluddin & Azlina Tatar, 2018). Masjid Zahir juga merupakan antara masjid ke-4 yang paling cantik di dunia dan tertua di negeri Kedah. Selain itu, masjid ini menjadi saksi kepada perjuangan dan kebangkitan rakyat negeri Kedah menentang penjajah British pada awal Abad ke-20. Akhir sekali, pada masa sekarang masjid ini menjadi antara tempat menarik pelancongan di negeri Kedah.

### 4. Dapatan kajian dan perbincangan

Dapatan kajian adalah berdasarkan temubual yang dilakukan bersama kakitangan masjid yang terlibat secara langsung dengan pengurusan program dakwah masjid Zahir, Alor Setar. Tumpuan item temubual adalah meliputi strategi pemerkasaan dakwah kontemporari dalam pengajian agama di masjid Zahir Alor Setar. Ia merupakan maklum balas lisan yang dikemukakan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian.

#### 4.1 Matlamat pengimarahannya melalui dakwah

Kajian mendapati bahawa kefahaman tentang pengimarahannya masjid menjadi matlamat yang penting kepada ahli jawatankuasa masjid untuk memahami objektif setiap aktiviti atau program yang dijalankan. Menurut PK 1, PK 2 & PK 4 penganjur program yang dilaksanakan diteliti secara terperinci supaya matlamat mewujudkan membina hubungan atau kolaborasi yang baik dengan ahli qaryah, agensi luar atau institusi seperti majlis bandaraya, pihak bomba, klinik-klinik kesihatan tercapai dan akhirnya dapat mengajak mereka memakmurkan masjid. Kenyataan ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Remly M. R. et. (2019) bahawa mengimarahkannya masjid dalam erti kata sebenar boleh dicapai melalui pelaksanaan aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan yang mampu mendekatkan diri dan hati manusia kepada Allah SWT, serta meningkatkan kesedaran beragama dan keserasian sosial di kalangan masyarakat.

Ketika menyatakan tentang matlamat perancangan dalam aktiviti pengimarah masjid PK 3 menyatakan bahawa menetapkan niat kerana Allah SWT dijadikan matlamat utama untuk mencapai objektif program sebagaimana kenyataan beliau:

*PK 3: "bila nak merancang apa-apa program imarah ni..pertama, perlu ada niat kerana Allah sebab nak berdakwah..paling penting sebabnya kita nak biar apa yang dirancang tu berpaksikan iman..haa..lepas tu baru la penganjuran tu insyaAllah dapat sambutan dari Masyarakat sekeliling.."*

Manakala menurut PK 5, satu-satunya tempat untuk meninggikan syiar Islam semestinya di masjid, hakikat sebenar tujuan pengimarah masjid melalui dakwah ialah apabila kita berjaya mengajak orang mendirikan solat secara berjemaah dan ianya akan lebih terserlah apabila dilaksanakan oleh masyarakat setempat secara beramai-ramai di masjid-masjid berdekatan. Berdasarkan pandangan al-Qardhawi (1997) bagi melihat ketinggian syiar Islam adalah melalui kesungguhan orang Islam menjaga prestasi solat berjemaah kerana kekuatan umat Islam terletak kepada umatnya yang berpaksikan institusi masjid sebagai tempat terunggul dalam masyarakat.

Berdasarkan dapatan di atas, memahami konsep pengimarah melalui kefahaman konsep dakwah dalam erti kata yang sebenar sangat penting bagi mencapai objektif dan menjalankan fungsi masjid itu sendiri. Secara umumnya, masjid merupakan platform yang paling sesuai bagi menjalankan pengimarah dan pelaksanaan dakwah supaya pesanan dan peringatan untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan segala bentuk larangan Allah SWT dapat disampaikan dengan baik.

#### **4.2 Pengajian agama yang sistematik**

Hasil kajian menunjukkan masjid Zahir mempunyai gerak kerja yang sistematik dalam menyusun dan memastikan kelas-kelas pengajian agama dapat dilaksanakan sebaiknya. Berdasarkan kenyataan PK 1, PK 2, PK 3 dan PK 5 berkaitan gerak kerja dakwah, pemilihan tenaga pengajar dan kitab-kitab yang digunakan telah diselaraskan di peringkat Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEAIK) dan Jabatan Mufti Negeri Kedah (JMKN) dan selepas melalui tapisan seterusnya dibawah pengawasan Jawatan kuasa Masjid Zahir sebelum diberikan kelulusan. Bagi PK 1, beliau melaporkan bahawa penentuan hala tuju pengajian agama dan silibus di masjid perlu diperkemas dan memberi kesan yang baik. Sepertimana kenyataan beliau:

*PK 1: "apa yang saya lihat pengajian agama, contohnya keseimbangan dari aspek silibus ya..contohnya, perlu diteliti juga tiga aspek akidah, syariah dan tasawwuf. Sememangnya kita ada pihak-pihak berauthoriti untuk meluluskan pengkuliah dan kitab namun pengurusan juga perlu lihat seimbang tak antara tiga aspek tadi supaya ada hala tuju yang berkesan..."*

Padangan ini selari dengan kajian Nor Azlina, Norafifah & Norajila (2016) yang menjelaskan bahawa usaha memperkasakan pengajian agama di masjid memerlukan keupayaan menginterasikan ilmu dan penting untuk dilaksanakan kerana pengajian di masjid mempunyai roh kesepaduan ilmu seterusnya dapat dikaitkan dengan ilmu dan realiti semasa.

Hasil temu bual bersama PK 4 pula mendapati pemilihan pengkuliah yang menyampaikan kelas pengajian di masjid Zahir tidak dilakukan secara "tangkap muat" atau sambil lewa. Lantikan mereka melalui lantikan rasmi dan berprosedur. Hal ini menunjukkan bahawa pihak pengurusan masjid mempunyai usaha dan tanggungjawab memilih para ilmuwan yang berkualiti bagi memastikan kefahaman Islam yang sebenar dan berkesan dapat disampaikan kepada masyarakat Islam khususnya. Nor Azlina, Norafifah & Norajila (2016) juga menekankan bahawa proses lantikan imam dan ahli jawatankuasa masjid sangat perlu dipandang penting kerana barisan kepimpinan masjid ini yang akan

menarik minat masyarakat terutamanya apabila disertai dengan penglibatan model dan selebriti ternama yang akhirnya dapat mencorakkan personaliti muslim sebenar.

#### 4.3 Program-program bersifat holistik

Hasil dapatan kajian menunjukkan PK 3 & PK 4 bersetuju bahawa setiap program yang dianjurkan oleh masjid Zahir menumpukan kepada beberapa segmen tertentu. Antaranya program untuk segmen kanak-kanak, segmen orang muda, segmen pertengahan dan segmen warga emas. Bagi kanak-kanak program seperti khatan beramai-ramai, khemah ibadah dan lain-lain. Selain itu, program untuk segmen dewasa seperti berbuka puasa, gotong-royong dan lain-lain. Bagi segmen dewasa dan warga emas juga kebanyakan tertumpu kepada program pengajian dan perkongsian ilmu. PK 1 & PK 5 pula menjelaskan bahawa masjid bersifat terbuka kepada semua masyarakat walaupun bukan Islam.

*PK 1: “masjid Zahir sangat terbuka kepada semua orang, biar nampak lebih menyeluruh apa orang sebut tu..haaa..lebih holistik. Kepada non muslim pun ada libatkan mereka, jemput untuk sertai karnival dan lain-lain..”*

*PK 5: “di antara pendekatan dalam program kita lebih bersifat terbuka. Maksud kata kita tak menghadkan golongan tertentu je, golongan dewasa, kanak-kanak, muallaf atau non-muslim pun masuklah”*

Kajian Mariam & Yusuf Marlon (2016) menyatakan terdapat beberapa medium dakwah yang boleh digunakan bagi menyampaikan dakwah dalam konteks multi etnik antaranya dakwah *Bi al-Lisan*, dakwah *Bi al-Kitabah* dan dakwah *Bi al-Hāl*. Ketiga-tiga pendekatan dakwah ini boleh digunakan sebagai medium utama kepada pengurusan masjid yang bertujuan mendekati komuniti non muslim.

Bagi PK 2 usaha menambahbaik program akan diambil kira dengan pelaksanaan *postmoterm* yang dijalankan selepas program. Ini bagi memastikan ianya bersifat realistik dan mengikut kesesuaian masyarakat masa kini. Sepertimana kajian Remly M. R. et. (2019) mencadangkan program-program seperti ceramah perdana, forum dan hari kebesaran Islam yang dianjurkan oleh pihak masjid perlu diberi nafas baru agar dapat membangunkan masyarakat kini dengan usaha yang digembleng daripada kakitangan, jawatankuasa masjid dan anak qaryah. Pengajian agama yang lebih holistik juga ditonjolkan melalui kelas-kelas kuliah yang berjalan secara aktif seperti kuliah subuh, kuliah dhuha, kuliah zohor, kuliah maghrib, kuliah takmir, pengajian bukan takmir dan ceramah bulanan sebagai salah satu usaha memperkasakan program-program ilmiah di masjid yang akhirnya mampu menggalakan dan mendorong sambutan yang baik (Najib & Hidayat, 2020).

#### 4.4 Penyediaan kebajikan dan bantuan

Dapatan kajian menunjukkan semua peserta kajian PK 1, PK 2, PK 3, PK 4 dan PK 5 menyatakan bahawa pihak masjid menyediakan kaunter pertanyaan bagi tujuan bantuan dan kebajikan. Selain itu, beberapa program bantuan dan santuni asnaf untuk menyerahkan bantuan zakat diadakan setiap tahun. Program ini melibatkan beberapa pihak seperti Jabatan Integriti, TNB, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Kedah dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Konsep kebajikan dalam Islam telah lama diperkenalkan sebagai asas menjaga kedamaian dan keselamatan setiap muslim yang saling bantu membantu bagi mengukuhkan antara satu anggota dengan anggota yang lain. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran:

*Maksud-Nya: “Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala*



*malaikat, dan segala kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang dia menyayanginya....” (Surah al-Baqarah, ayat 177)*

Oleh itu, fungsi masjid dalam menjaga kebajikan masyarakat Islam haruslah diusahakan dalam menarik golongan tertentu khususnya yang memerlukan sebagai contoh konsep agihan sedekah pada hari Jumaat, sesi rawatan percuma (klinik komuniti), serta hidangan makanan selepas sesi solat berjemaah. Konsep kebajikan ini dilihat dapat menarik golongan yang kurang upaya bagi mendekati diri untuk hadir ke masjid. Salah satu usaha yang lain juga ialah dengan menubuhkan pengurusan zakat lokalisasi yang lebih berkesan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia pada masa kini. Pandangan seperti ini munasabah disebabkan kepercayaan terhadap institusi masjid dengan meletakkan harapan bahawa amil yang professional dapat menguruskan lokaliti tersebut dengan baik. Ini lebih mendorong supaya agihan zakat dapat diuruskan dengan cekap dan saksama (Rahman, A. A., Mohd Faisal Yeap, M. J., & Abd Wakil, M. N., 2019). Berdasarkan kajian Nor Azlina, Norafifah & Norajila (2016) Kesedaran ini sesuai dimulakan di masjid kerana fungsi dan peranannya sebagai pusat ibadah dan pembangunan masyarakat. Dengan cara ini, ekonomi umat Islam dapat dimajukan dan diperkukuhkan. Selain mengumpul zakat, wakaf, dan sedekah, masjid juga perlu menjadi tempat pengagihan dana tersebut kepada yang memerlukan. Ini akan membuatkan masyarakat sekeliling merasa lebih yakin dengan pengurusan masjid.

#### **4.5 Penyesuaian penggunaan ICT**

Persekitaran pembelajaran di era kontemporari ini telah banyak berubah dengan adanya penggunaan ICT yang mampu merangsang kemampuan untuk cepat faham, menguasai topik, memberi motivasi, menarik minat serta menjadi lebih kreatif (Kamsaton, Mohd Izham, & Mohd Kamil, 2010). Hasil temu bual mendapati pihak masjid Zahir telah menyediakan pelbagai kemudahan *access* bagi masyarakat mendapat pelbagai maklumat dan aktiviti yang dilaksanakan. Sebagaimana petikan temu bual berikut:

*PK 1: “kita buat live stream juga kalau ada ceramah atau kuliah..walaupun depa tak hadir, depa boleh dapat daripada situ”.*

*PK 2: “Kita bagi pendidikan kepada anak-anak qariah kita dan orang ramai melalui media sosial rasmi masjid. Kita mendidik dalam tu kebaikan sedekah, infaq, jadi tak banyak sedikit kesannya ada pada masyarakat”.*

*PK 3: “kita ada Facebook rasmi masjid, youtube dan lain-lain..”*

*PK 5: “tentang maklum balas memang ada kita dapat dari orang awam contohnya melalui facebook masjid..ape-ape comment kita dapat juga dari situ”*

Manakala bagi PK 4 beliau menyatakan bahawa penggunaan ICT di peringkat pengurusan dan dakwah masjid masih lagi dalam penyesuaian. Ini disebabkan kewaspadaan terhadap *content* yang dimuat naik perlu diteliti dengan baik selain kemahiran untuk mengoptimumkan penggunaan ICT oleh kakitangan masjid. Kajian Mat Jusoh et. al (2023), penggunaan ICT secara aktif terutamanya berbentuk digital seperti Facebook, laman sesawang (fan page) atau portal penting untuk tujuan promosi tentang kegiatan masjid seperti *preview* program lanjutan, jadual pengajian agama, bahan khutbah, tazkirah dan program-program yang lain.

Dalam konteks pembelajaran seperti ilmu Hadis atau pengajian takmir, Khalilullah Amin et.al, (2023) mendapati aspek metodologi penyampaiannya turut perlu dipelbagaikan sesuai dengan

perkembangan semasa agar memperoleh keabsahan setiap disiplin ilmu yang diajar. Secara ringkasnya, bagi menjayakan dan memastikan perjalanan pengajian agama dan pengimarah masjid berkesan, maka persediaan daripada aspek penggunaan dan penyediaan fasiliti pengajaran dan pembelajaran berasaskan ICT perlu dibangunkan di masjid supaya mendapat sambutan dan menarik minat masyarakat untuk menghadiri diri ke masjid.

#### 4.6 Destinasi pelancongan

Salah satu keistimewaan masjid ialah bangunan yang seringkali menjadi tumpuan dalam banyak lokasi di seluruh negara. Kemudahan yang disediakan di masjid-masjid termasuk kemudahan penginapan dapat membantu mempermudah urusan golongan musafir beribadah. Malah, bukan hanya kepada masyarakat Islam sahaja namun pengurusan masjid mampu memperkasakan fungsinya iaitu dengan mewujudkan rumah tumpangan (*homestay*) seterusnya menjadikan masjid i sebagai agensi pelancongan (*travel & tours*) bertujuan menjana ekonomi masjid di samping membantu para musafir dan sekaligus menyebarkan dakwah kepada para pelancong non Muslim (Ahmad Fauzi & Muhammad Yusuf, 2016).

Hasil kajian menunjukkan PK 3 dan PK 4 menjelaskan bahawa masjid Zahir merupakan masjid yang sering menerima kunjungan sama ada daripada masyarakat tempatan mahupun masyarakat luar negara. Ini disebabkan masjid ni mempunyai keunikan tersendiri terutamanya dari aspek seni bina yang sangat menarik seperti pembinaannya yang bercirikan Parsi, Timur Tengah dan Roman dan mempunyai penceritaan sejarah yang tersendiri bagi tarikan pelancong.

PK 1 menyatakan bahawa masjid Zahir juga mempunyai Standard Operational Procedur (SOP) berkaitan penginapan dan lawatan pengunjung yang berkunjung ke masjid ini. Ini bagi memastikan pengunjung mendapat layanan yang baik dalam masa yang sama memenuhi keperluan syariah Islam. Contohnya, bagi pelancong wanita non-Muslim mereka disediakan persalinan jubah apabila memasuki masjid. Seterusnya, pegawai yang bertugas akan membawa mereka mengelilingi Kawasan masjid dengan menerangkan fungsi bahagian-bahagian yang ada seperti ruang solat, tempat berwuduk, sudut bacaan, kubah, menara dan sebagainya.

Usaha mempergiatkan lagi peranan masjid untuk menarik pelancong datang ke masjid secara tidak langsung dapat menonjolkan tindakan yang proaktif untuk pemerksaan dakwah. Tambahan lagi, menurut, Nor Azlina, Norafifah & Norajila (2016) kemudahan seperti pusat penginapan para musafir atau pelancong dilihat akan terus memberi kesan terhadap penglibatan masyarakat untuk mendekatkan diri dengan aktiviti masjid.

### 5. Kesimpulan

Awal pembinaan sesebuah masjid semestinya mempunyai objektif untuk membangunkan dan menyatupadukan umat Islam melalui sebaran ilmu terutamanya di era kontemporari yang semakin mencabar. Ia bukan sahaja dilihat daripada aspek pembinaan semata-mata namun diteliti dari aspek pengisian berbentuk pembangunan jiwa dan kerohanian melalui pengajian ilmu yang berdisiplin dan berterusan. Asasnya juga berkaitan dengan pendekatan dan metod yang seiring dengan peredaran zaman supaya perkembangan Islam itu dapat ditonjolkan dan tidak hanya bersifat tertutup. Justeru fungsi sebenar masjid perlu diperkasakan seiring dengan perkembangan global yang berlaku agar institusi masjid di Malaysia berhasil membangunkan insan dan masyarakat yang sejahtera. Tindakan agresif daripada pihak pengurusan masjid di negara ini harus dipandang dengan lebih serius agar institusi ini kekal relevan dan memenuhi keperluan Masyarakat Islam.

## 6. Rujukan

- Abd Wakil, M. N., Ab Rahman, A., & Baharuddin, A. S. (2024). Pemeraksanaan Institusi Masjid Sebagai Pusat Bantuan ekonomi Lokal di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(2), 115–126. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol29no2.584>
- Abd. Ghani, Z. (2021). Ekosistem dakwah digital: Cabaran masa depan dunia dakwah digital. *Prosiding Simposium*, Dunia Dakwah Digital 2021, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, Keningau: Sabah
- Ahmad Fauzi, M. S., & Muhammad Yusuf, M. A. (2016). Strategi pembangunan ekonomi masjid As- Salam sebagai wasilah dakwah kontemporari. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah*.
- Ahmad, K. A., Muhammad Lukman Mat Sin, Ameer Ikhwan Zaini, & Mohd Asri Ishak. (2023). Kitab-Kitab Hadith Dalam Pengajian Takmir Di Institusi Masjid Di Perlis: Kajian Tinjauan. *Hadis*, 13(25), 1-9. <https://doi.org/10.53840/Hadis.V13i25.171>
- AHMAD, K. A., Muhammad Lukman Mat Sin, Ameer Ikhwan Zaini, & Mohd Asri Ishak. (2023). Kitab-Kitab hadith dalam Pengajian Takmir di institusi masjid di perlis: Kajian tinjauan. *HADIS*, 13(25), 1–9. <https://doi.org/10.53840/hadis.v13i25.171>
- Don, A. G. (2021). Pembangunan kepimpinan da'i dalam dakwah era digital. *Prosiding Simposium*, *Dunia Dakwah Digital 2021*. Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, Keningau: Sabah.
- Ibrahim, M. R. (2020). Integrasi Ilmu Usuluddin Dalam pengajian agama di masjid. *'Abqari Journal*, 23(1), 128–144. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol23no1.143>
- Kamsaton, S., Mohd Izham, M. H., & Mohd Kamil, A. K. (2010). Kepentingan amalan penggunaan ICT dalam kalangan pentadbir masjid: Hubungkaitnya dengan pengajaran dan pembelajaran. *Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berteraskan Masjidd*, 311-312
- Majid, M. A., & Marlon, Y. (2016). Masjid Dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik di Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 8(1), 31– 48.
- Majid, M. A., Awang, N., Aini, Z. H., & Opir, H. (2021). Pelan strategik pengupayaan peranan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti. *International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 1(2), 21–37.
- Malkawi, Fathi Hassan. (2011). *Manhajiyyah al-takamul al-ma'rifi*. Beirut: alMa'had al-Alami li al-Fikri al-Islami. Milton. Beirut: Librairie du Liban.
- Mat Jusoh, M. S., Samah, Mohd. N., M. Noor, N., Jamaludin, A. K., & Ayub, M. N. (2023). Sistem Pengurusan digital program 'Imarah Masjid: Kajian Analisis Keperluan Dan Pembangunan. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 73–79. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v8i2.9863>
- Mustari, M. I. & Jasmi, K. A. (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press. ISBN: 978-983-52-0503-3
- Mohd Ridhuwan Remly, Muhd Najib Abdul Kadir, Fadlan Othman, Siti Azimah Sabaruddin Prinsip al-Imarah Dalam Kalangan Ahli Jawatankuasa Masjid ke Arah Mengimarahkan Institusi Masjid
- Rahman, A. A., Mohd Faisal Yeap, M. J., & Abd Wakil, M. N. (2019). Amalan Pengurusan zakat di institusi masjid di Malaysia: Satu Tinjauan Awal di negeri selangor. *Journal of Fatwa Management and Research*, 155–162. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol13no1.170>
- Shahbuddin, Z. H., & Gunardi, S. (2023). Tinjauan Literatur Sistematis Terhadap Peranan Institusi masjid di Malaysia. *'Abqari Journal*, 54–71. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol29no1.508>